



LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

KENYATAAN TENDER PERKHIDMATAN PERUNDING

TENDER INI TERBUKA KEPADA FIRMA PERUNDING YANG LAYAK DAN BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DI BAWAH KOD BIDANG SEPERTI DI BAWAH UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM PELAWAAN BERIKUT:

TAJUK TENDER : PELANTIKAN JURUPERUNDING BAGI PROJEK BAIKPULIH JETI DERMAGA MERDEKA, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (TENDER SEMULA)

NO. TENDER: LPL/2026/T02

SYARAT PENYERTAAN TENDER	TARIKH DAN WAKTU PENJUALAN DOKUMEN TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TARIKH LAWATAN TAPAK DAN PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	BUTIRAN TENDER
Petender wajib berdaftar dengan: i) Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah Kod Bidang: • 330101 (Kejuruteraan Awam) dan • 330102 (Kejuruteraan Struktur) dan/atau • 330108 (Kejuruteraan Marin) ii) Tempoh pendaftaran firma dengan Kementerian Kewangan (MOF) hendaklah masih berkuat kuasa. iii) Mempunyai pengalaman berkaitan dalam : • Projek pembaikan/pemulihan struktur marin, jeti atau pelabuhan. • Rekabentuk kejuruteraan awam dan marin. • Penyeliaan dan pengurusan kontrak kerja fizikal (jika dilantik). iv) Salinan Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate</i> – TCC) daripada LHDN yang masih sah. v) Firma bebas daripada sebarang tindakan tatatertib atau penggantungan oleh mana-mana agensi kerajaan.	Tarikh pembelian dokumen : 10.08.2026 (Isnin) Sehingga 17.08.2026 (Isnin)	Harga dokumen <i>Softcopy</i> : RM50.00 (Tidak dikembalikan) <i>*Soft copy</i> dokumen tender (pautan) hanya akan diserahkan melalui e-mel setelah dokumen dan pembayaran disemak dan disahkan.	Tarikh : 17.08.2026 (Isnin) Dan 18.08.2026 (Selasa) Tempat : Jeti Dermaga Merdeka, Wilayah Persekutuan Labuan Pegawai Yang Boleh Dihubungi : En. Mohd Zulkarnain Bin Zulkifli 013-917 8049 En. Rafy Syarafuddin Bin Suerdy 013-877 5756	Tarikh Tutup: 08.09.2026 (Selasa) Waktu: 12.00 tengah hari Tempat: Bahagian Perolehan, Lembaga Pelabuhan Labuan Unit 14(A), & 15(A1) Tingkat 14, Blok 4 Kompleks Ujana Kewangan Jalan Merdeka 87000 Wilayah Persekutuan Labuan,

1. Syarat-syarat, arahan dan maklumat lanjut mengenai pelawaan ini dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan/Tender.
2. Syarikat yang ingin menyertai tender hendaklah membeli Dokumen Tender secara atas talian dengan menghubungi Urus Setia Perolehan di talian 087-428821 dengan menyatakan No. Rujukan Tender. Dokumen hanya dijual mengikut tarikh yang ditetapkan.
3. Softcopy dokumen tender beserta no. siri hanya akan diserahkan melalui emel setelah:-
 - Sijil dari Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang ditetapkan dikemukakan kepada Urus Setia Perolehan untuk semakan dan pengesahan
 - Salinan Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate – TCC*) daripada LHDN yang masih sah dikemukakan kepada Urus Setia Perolehan untuk semakan dan pengesahan;
 - Bukti pembayaran disertakan.
4. Firma Perunding yang ingin menyertai tender perkhidmatan perunding ini hendaklah **mematuhi syarat, tarikh dan masa yang tersebut di atas. Sebarang kelewatan pendaftaran penyertaan tidak akan dipertimbangkan kelulusannya.**
5. Firma Perunding **DIWAJIBKAN** untuk **mendaftar secara dalam talian** bagi proses semakan kelayakan menyertai tender ini. Satu firma perunding hanya dibenarkan untuk membuat **satu pendaftaran sahaja untuk setiap tender perkhidmatan perunding**. Pendaftaran hanya akan dibuka seperti tarikh dan masa yang dinyatakan di atas. **Hanya perunding yang masih dalam tempoh sah laku sijil pendaftaran sahaja yang akan dipertimbangkan kelulusan untuk pendaftaran menyertai tender.**
6. Pegawai yang boleh di hubungi pada waktu pejabat dalam tempoh iklan tender bermula ialah
 - Cik Ishmarafeah Binti Ismail di talian 087-428821 atau alamat emel : ishmah@lpa.gov.my
7. Firma Perunding yang ingin memasuki tawaran di atas dikehendaki membuat **pembayaran melalui *Electronic Fund Transfer (EFT)***. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek adalah tidak dibenarkan.
8. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** bagi memberi kemudahan kepada petender untuk mengenalpasti keperluan peralatan dan keluasan kawasan bagi tujuan penawaran harga tender. Dalam hal ini, sekiranya petender mahu melawat sendiri kawasan atau tapak, petender dikehendaki membawa bersama Cop Rasmi syarikat;
9. Dokumen Tender Perkhidmatan Perunding tidak akan dikeluarkan selepas tempoh tersebut di atas. Dokumen Tender Perkhidmatan Perunding yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke kaunter serahan di alamat:

**LEMBAGA PELABUHAN LABUAN
UNIT 14(A), & 15(A1) TINGKAT 14, BLOK 4
KOMPLEKS UJANA KEWANGAN
JALAN MERDEKA 87000
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
(U.P: BAHAGIAN PEROLEHAN)**

10. Dokumen Tender Perkhidmatan Perunding yang **lewat diterima tidak akan dipertimbangkan** dan Kementerian tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier.
11. Lembaga Pelabuhan Labuan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
12. Lembaga Pelabuhan Labuan tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin di tanggung oleh petender semasa menyediakan dan menghantar tender.